





[Experts](#)

## Malaysia Menuju ke Puncak: Membina Peradaban Acuan Malaysia

28 October 2025

Lebih 30 tahun lalu, Tun Dr. Mahathir Mohamad membentangkan kertas kerja '*Malaysia: The Way Forward*', atau 'Malaysia Menuju ke Puncak'. Dokumen ini menjadi asas kepada gagasan Wawasan 2020. Ia bukan sekadar rancangan ekonomi. Ia merupakan panduan untuk membina bangsa dan

---

peradaban Malaysia yang seimbang antara kemajuan kebendaan dan nilai kemanusiaan.

Kini, gagasan itu diteruskan melalui Malaysia MADANI. Kedua-duanya berkongsi semangat yang sama. Matlamatnya adalah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang berakhlak, bersatu dan berilmu. Malaysia perlu membina kemajuan dengan wajah sendiri. Sebagai rakyat Malaysia, kita tidak boleh meniru bulat-bulat model luar. Kemajuan Malaysia mesti berasaskan nilai, sejarah dan budaya tempatan.

Malaysia MADANI membawa enam nilai utama: keMampanan, kesejAhteraan, Daya cipta, hormAt, keyakiNan dan Ihsan. Nilai ini menjadi panduan dalam membina peradaban Malaysia. Ia menekankan kemajuan yang berimbang antara pembangunan kebendaan dan kesejahteraan insan. Maju dari segi ekonomi, tetapi juga luhur dari segi akhlak.

Dalam 'Malaysia Menuju ke Puncak', Tun Mahathir mengingatkan bahawa kemajuan tidak boleh diukur dengan bangunan tinggi atau angka ekonomi sahaja. Bangsa maju ialah bangsa yang berdisiplin, rajin, berilmu dan berakhlak. Malaysia MADANI menyambung pemikiran ini. Ia menyeru rakyat agar membina kemajuan yang berteraskan nilai murni, bukan semata-mata keuntungan atau kemewahan.

Asas utama kedua-dua gagasan ini ialah pembinaan bangsa. Rakyat mesti bersatu dalam cita-cita dan arah tuju. Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan agama. Keanekaragaman ini bukan halangan. Ia kekuatan yang perlu disusun dengan bijaksana. Kita mesti membina perpaduan yang lahir daripada kefahaman, bukan paksaan. Bangsa Malaysia yang sejati ialah bangsa yang menghormati, memahami dan menerima perbezaan sebagai anugerah.

Untuk membina peradaban acuan Malaysia, kita mesti bermula dengan pendidikan. Pendidikan ialah alat membentuk manusia beradab. Ia melahirkan warganegara yang tahu berfikir, tahu berbuat baik dan tahu memimpin. Sekolah dan universiti bukan sekadar tempat mencari sijil, tetapi medan menanam nilai. Nilai hormat, tanggungjawab, jujur dan ihsan mesti dipupuk sejak kecil. Tanpa pendidikan yang berjiwa, kemajuan tidak akan bermakna.

Pembangunan ekonomi juga mesti mempunyai arah yang jelas. Dalam 'Malaysia Menuju ke Puncak', Malaysia digesa beralih daripada ekonomi berasaskan sumber kepada ekonomi berasaskan ilmu dan industri. Kini, Malaysia MADANI menambah dimensi baharu dengan penekanan kepada ekonomi digital, hijau dan mampan. Namun, kemajuan ekonomi mesti adil. Rakyat mesti menikmati hasilnya secara saksama. Tiada kelompok yang terpinggir. Pembangunan yang tidak adil akan melemahkan perpaduan bangsa.

Kemajuan tidak boleh dipisahkan daripada nilai moral. Peradaban yang tinggi lahir daripada masyarakat yang jujur, amanah dan berdisiplin. Malaysia perlu menolak budaya rasuah, tamak dan boros. Kita mesti menegakkan prinsip keadilan dan tanggungjawab. Pemimpin dan rakyat sama-sama perlu berpegang pada nilai yang baik. Inilah asas kepada peradaban yang teguh dan dihormati.

Dalam bidang sosial, rakyat mesti mengamalkan ihsan dan hormat. Ihsan bermaksud perasaan peduli terhadap orang lain. Masyarakat yang berihsan tidak sanggup melihat kemiskinan dan penindasan. Hormat pula asas kepada kehidupan bersama. Kita mesti menghormati undang-undang, perbezaan pendapat dan hak orang lain. Tanpa hormat, masyarakat akan berpecah dan hilang arah.

Nilai daya cipta juga penting dalam pembinaan peradaban. Rakyat Malaysia mesti kreatif dan berani

---

mencuba perkara baharu. Daya cipta bukan sahaja dalam teknologi, tetapi juga dalam cara berfikir. Kita perlu melahirkan generasi yang mampu menyelesaikan masalah dengan ilmu dan kebijaksanaan. Kemajuan sebenar lahir daripada pemikiran yang segar dan berani.

Malaysia mempunyai sejarah dan tamadun yang panjang. Dari kerajaan Melayu lama hingga zaman moden, bangsa kita telah menunjukkan kemampuan membina kehidupan yang berteraskan nilai. Kini, tanggungjawab kita ialah menyambung warisan itu. Kita mesti membina peradaban acuan Malaysia yang berakar pada budaya sendiri tetapi terbuka kepada kemajuan dunia. Kita mesti yakin dengan kemampuan diri sendiri.

'Malaysia Menuju ke Puncak' menyeru rakyat agar berdikari dan tidak bergantung kepada pihak lain. Malaysia MADANI pula mengingatkan rakyat supaya berperanan aktif dalam pembangunan negara. Setiap individu mempunyai tanggungjawab. Kemajuan tidak akan datang tanpa usaha bersama. Rakyat yang berdisiplin dan bersatu akan menjadi asas kepada kekuatan negara.

Akhirnya, cita-cita membina peradaban acuan Malaysia bukan sekadar slogan. Ia satu perjalanan panjang. Ia menuntut kejujuran, kesungguhan dan pengorbanan. Malaysia perlu maju dengan caranya sendiri. Maju dari segi ilmu, ekonomi dan moral. Maju tanpa kehilangan jati diri. Inilah makna sebenar 'Malaysia Menuju ke Puncak'.

Peradaban acuan Malaysia mesti berteraskan nilai kemanusiaan, keadilan dan keseimbangan. Negara yang beradab akan dihormati. Rakyat yang berilmu dan berakhlak akan menjadi tiang kekuatan bangsa. Dengan berpandukan semangat Malaysia MADANI dan warisan pemikiran 'Malaysia Menuju ke Puncak', kita mampu membina Malaysia yang maju, beradab dan bermaruah di mata dunia.



**Oleh: Ahmad Ibrahim**

**E-mel: [ahmadbi@umpsa.edu.my](mailto:ahmadbi@umpsa.edu.my)**

---

**Penulis adalah Pensyarah, Pusat Sains Kemanusiaan (PSK), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).**

**Rencana ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).**

- 253 views

[View PDF](#)